

NO. DOKUMEN: JKNJ-PK-G1

**PROSEDUR: PENGENDALIAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN IBU
MENGANDUNG**

No. Salinan Kawalan :

Dikeluarkan kepada:

1. TUJUAN

Prosedur ini menggariskan pelaksanaan program kesihatan pergigian di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) untuk menanamkan minat serta kesedaran terhadap kepentingan penjagaan kesihatan mulut ibu dan anak.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai bagi melaksanakan program kesihatan pergigian bagi semua ibu mengandung di fasiliti bawah jagaan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Negeri Johor.

3. DEFINISI

Wanita yang disahkan mengandung oleh mana-mana klinik/hospital yang berdaftar dan diiktiraf (memiliki dokumen/rekod pengesahan mengandung daripada klinik/hospital yang berdaftar)

4. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Pegawai Pergigian (PP)/Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP)	4.1. Lawatan pergigian ke KKIA / KD 4.1.1. Rancang dan sediakan jadual lawatan ke KKIA /KD di daerah/ klinik. Edarkan kepada KKIA/ KD yang terlibat dan simpan satu salinan jadual tersebut dalam fail. 4.1.2. JK/ JM rujuk ibu mengandung yang belum jalani pemeriksaan pergigian. Daftar pesakit ke dalam sistem pendaftaran / pelaporan <i>Dental Information System Clinical (DIS: Clinical)</i> selaras dengan arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian. 4.1.3. Sediakan LP.8-2 Pin 8/2019 dan laksanakan pemeriksaan mulut. Rekod dalam LP.8-2 Pin 8/2019 Rujuk (Dokumen Luaran): Panduan dan Arahan Pengisian Kad Rawatan Pergigian L.P.8 2019 edisi 2022 4.1.4. Beri pendidikan kesihatan pergigian dengan menggunakan <i>flipchart</i> jika <i>chairside</i> dan alat bantuan mengajar yang bersesuaian jika secara berkumpulan dan rekodkan di dalam kad rawatan.

	4.1.5 Berikan nasihat untuk mendapatkan rawatan di klinik pergigian berhampiran, sekiranya perlu dan rekodkan di dalam kad rawatan. 4.1.6 Lengkapkan kad rawatan LP.8-2 Pin 8/2019. 4.1.7 Bagi daerah yang terlibat dengan pelaporan <i>DIS:Clinical</i>, rujuk arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian,KKM. 4.1.8 Tandatangan buku rekod kesihatan ibu KIK/1(a)/96 pin 2020 di ruangan yang disediakan. 4.1.9 Kemaskini pelaporan reten mengikut arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian, KKM.
PP/PPP PP/PPP/Juruterapi Pergigian Kanan (JPK)	4.2. Ibu Mengandung hadir ke Fasiliti Pergigian. 4.2.1 Daftar pesakit ke dalam sistem pendaftaran / pelaporan DIS:Clinical selaras dengan arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian,KKM. 4.2.2 Sedia Kad rawatan LP.8-2 Pin 8/2019 dan laksanakan pemeriksaan mulut. Rekod dalam kad rawatan LP.8-2 Pin 8/2019. Rujuk (Dokumen Luaran): Panduan dan Arahan Pengisian Kad Rawatan Pergigian L.P.8 2019 edisi 2022 4.2.3 Beri pendidikan kesihatan pergigian dengan menggunakan <i>flip chart</i> jika <i>chairside</i> dan alat bantuan mengajar bersesuaian jika berkumpulan. Rekodkan nasihat pergigian ke dalam kad rawatan. 4.2.4 Bagi daerah yang terlibat dengan pelaporan <i>DIS:Clinical</i>, rujuk arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian,KKM. 4.2.5 Tandatangan buku ibu KIK/1(a)/96 pin.2020 di ruangan yang disediakan. 4.2.6 Sekiranya memerlukan rawatan, sediakan plan rawatan. Dapatkan tandatangan pesakit dan saksi pada kenyataan persetujuan kebenaran rawatan. Rujuk (Dokumen Luaran): Pengurusan Kebenaran Rawatan Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Ketiga (kuatkuasa 01.12.2019).

	4.2.7 Lakukan rawatan yang diperlukan 4.2.8 Lengkapkan kad rawatan LP.8 -2 Pin 8/2019. 4.2.9 Bagi daerah yang terlibat dengan pelaporan <i>DIS: Clinical</i>, rujuk arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian, KKM. 4.3. Selesai Rawatan. 4.3.1 Kemaskini pelaporan reten selaras arahan terkini Program Kesihatan Pergigian, KKM.
Penyelaras Program Ibu Mengandung Daerah	4.4 Analisa Program Kesihatan Pergigian Ibu Mengandung 4.4.1 Dapatkan bilangan kedatangan baru ibu mengandung dari Pejabat Kesihatan Daerah. 4.4.2 Sediakan Laporan Bulanan Program Ibu Mengandung Daerah. Rujuk (Dokumen Luaran): Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Ibu Mengandung 2023

5. REKOD KUALITI

BIL	JENIS REKOD	TEMPOH PENYIMPANAN	LOKASI
1	Kad Rawatan LP 8-2 Pin 8/2019	7 tahun	Klinik

Pelaporan adalah berdasarkan kepada sistem pelaporan DIS: Clinical selaras dengan arahan terkini daripada Program Kesihatan Pergigian .

6. Klausu MS ISO 9001 :2015 yang berkaitan

6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang

7.1.3 Infrastruktur / Prasarana

7.1.4 Persekitaran untuk operasi proses

7.2.1 Menentukan keperluan untuk produk dan perkhidmatan

NO. DOKUMEN: JKNJ-PK-G1

**PROSEDUR: PENGENDALIAN PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN IBU
MENGANDUNG**

7.5.2 Mewujudkan dan mengemaskini

7.5.3 Kawalan maklumat didokumentasikan

8.1 Perancangan dan kawalan operasi

8.2.4 Perubahan keperluan untuk produk dan perkhidmatan

8.5.1 Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan

8.5.2 Pengenalpastian dan kebolehkesanan

9.1.3 Analisis dan penilaian

10.3 Tindakan Penambahbaikan Berterusan

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh:	Dr. Nor Nasyitah Ismail Pegawai Pergigian UG14	
Diluluskan oleh:	Datin Dr. Nazita Binti Yaacob Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	